

# PENGENALAN KEPADA PAKEJ PELANCONGAN KAMPUNG ORANG ASLI

Sebahagian besar masyarakat asli di seluruh dunia tinggal di kawasan yang dipenuhi dengan pemandangan yang menakjubkan, tradisi yang unik dan sejarah serta budaya yang tiadaandingannya. Ciri-ciri ini membuka peluang kepada aktiviti pelancongan yang mampu menjana pendapatan ekonomi. Kampung Orang Asli Pulau Kempas dan Kampung Orang Asli Bukit Cheeding mempunyai pemandangan yang menarik dan perkhidmatan yang boleh dinaik taraf serta dipromosikan untuk aktiviti pelancongan kampung Orang Asli. Global Environment Centre (GEC) dengan sokongan daripada pelbagai penaja (seperti Yayasan Hasanah, the United Nations Development Programme (UNDP) dan Yayasan Bursa) telah membangunkan beberapa aktiviti sosioekonomi di kampung yang berpotensi sebagai daya tarikan pelancong. Tarikan yang dikenal pasti kini dibangunkan sebagai satu pakej pelancongan kampung Orang Asli yang merupakan satu bentuk peluang ekonomi untuk SGAT.



- Lawatan dan/atau perhimpunan di Balai Raya Pulau Kempas untuk menjalankan mesyuarat, taklimat, latihan dan aktiviti kumpulan lain.
- Balai Informasi Budaya Temuan yang menawarkan maklumat mengenai asal-usul, sejarah, bahasa, kepercayaan, makanan, permainan, perkahwinan, perubatan dan sebagainya.
- Kebun sayur komuniti Pulau Kempas yang menawarkan pelbagai jenis sayur-sayuran berbuah yang ditanam secara organik yang boleh dipilih sendiri oleh pelanggan dan pengunjung.
- Kiosk kraftangan yang menghasilkan dan menawarkan produk kraftangan berasaskan kayu untuk dijual kepada pelanggan.
- Kiosk kraftangan yang menghasilkan dan menawarkan kraftangan anyaman dalam pelbagai warna, saiz dan bentuk kepada pelanggan.
- Tapak semaian SGAT yang menawarkan pelbagai jenis pokok dan tumbuhan hutan, landskap dan hiasan untuk jualan, termasuk demonstrasi teknik penanaman dan penyelenggaraan pokok oleh SGAT.
- Kebun sayur komuniti Kampung Bukit Cheeding yang menawarkan pelbagai jenis sayuran berdaun yang ditanam secara organik yang boleh dipilih sendiri oleh pelanggan.
- Melawat dan/atau berkumpul di Balai Raya Bukit Cheeding untuk mengetahui usaha dan sumbangan SGAT dalam pemuliharaan dan pemulihan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) serta mengadakan mesyuarat, taklimat, latihan dan aktiviti kumpulan lain.
- Aktiviti sampingan lain atas permintaan untuk dimasukkan ke dalam pakej adalah seperti:
  - Demonstrasi perangkap haiwan, sumpit dan penyediaan makanan tradisional.
  - Lawatan ke Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) dengan kelulusan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.
  - Aktiviti lain yang boleh dianjurkan mengikut permintaan pelancong seperti persembahan tradisional.



## MAKLUMAT HUBUNGAN

**Pertubuhan Sahabat Gambut Asli Temuan (SGAT)**  
 No 11, Jalan 2,  
 Kampung Orang Asli Bukit Cheeding,  
 42700 Banting, Selangor


Ms. Nurul Syuhadah *Coordinating Officer, GEC*  
 +6017 608 2517 | syuhadah@gec.org.my

Ms. Aniza Ziana *Head of TCIC, SGAT*  
 +6017 211 8514


Ms. Nurul Farhana *Secretary of SGAT*  
 +6011 5717 4729

Email: sgat.selangor@gmail.com

## PETA LALUAN PAKEJ PELANCONGAN KAMPUNG ORANG ASLI







## TAPAK SEMAIAN SGAT

Orang Asli Temuan memiliki ilmu pengetahuan tradisional tanaman tumbuh-tumbuhan hutan dan mempunyai kemahiran dalam bidang penanaman. Hasil hutan seperti pokok hutan, buah-buahan hutan, tumbuhan herba serta pelbagai bahagian pokok dikumpulkan untuk membuat tempat tinggal, pakaian dan digunakan sebagai peralatan. Sebuah tapak semaian komuniti telah dibina pada tahun 2019, khususnya untuk menyemai anak pokok hutan dan membekalkan spesies pokok hutan yang matang seperti pokok Tenggek Burung (*Melicope lunu-ankenda*), pokok Pulau (*Alstonia angustiloba*), pokok Gelam (*Melaleuca cajuputi*) dan juga pelbagai jenis pokok landskap dan hiasan melalui sistem pembelian balik anak pokok.



## KIOSK KRAFTANGAN

Orang Asli Temuan sangat mahir dalam seni penghasilan kraftangan, seni anyaman dan seni ukiran. Terdapat kiosk kraftangan di Kampung Orang Asli Bukit Cheeding dan Pulau Kempas. Kiosk kraftangan di Kampung Orang Asli Bukit Cheeding menghasilkan jenis kraftangan anyaman manakala kiosk kraftangan di Pulau Kempas pula menghasilkan kraftangan berasaskan kayu. Kemahiran penghasilan kraftangan ini diwariskan secara turun temurun. Golongan belia yang berminat juga dibimbing oleh generasi tua untuk melibatkan diri dalam penghasilan kraftangan ini. Setiap hasil kraftangan yang dihasilkan oleh Orang Asli Temuan adalah unik dan mempunyai ciri-ciri masyarakat Temuan.



## KEBUN SAYUR KOMUNITI

Dua kebun sayur komuniti dibina di Kampung Orang Asli Bukit Cheeding dan Pulau Kempas bagi menampung permintaan terhadap bekalan sayur kepada SGAT dan masyarakat Orang Asli yang lain. Jenis penanaman adalah berfokus kepada penanaman sayur-sayuran yang berdaun di Kampung Orang Asli Bukit Cheeding dan berbuah di Kampung Orang Asli Pulau Kempas. Hasil tanaman juga dijual kepada penduduk kampung, kedai runcit dan peniaga pasar yang berdekatan. Aktiviti ini juga dapat menyediakan peluang pekerjaan hijau kepada ahli SGAT untuk melibatkan diri dalam keusahawanan tani.



## BALAI INFORMASI BUDAYA TEMUAN (BIBT)

Balai Informasi Budaya Temuan merupakan pusat sumber dan ruang bagi Orang Asli Temuan yang terletak di Kampung Orang Asli Pulau Kempas. Ia merangkumi pelbagai maklumat dan barang yang memperkenalkan kepada para pengunjung mengenai budaya Temuan termasuk asal-usul, sejarah, bahasa, kepercayaan, makanan, permainan, perkahwinan, perubatan dan sebagainya. Balai ini berfungsi sebagai pusat untuk melawat dan memahami berkaitan budaya dan tradisi Orang Asli Temuan di Kampung Orang Asli Pulau Kempas dan Bukit Cheeding.

